

Headline	3 sekolah Pahang dapat Tutor tajaan Tabung Haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	15	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	148 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,925
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,775



3 sekolah Pahang dapat *Tutor* tajaan Tabung Haji

ROMPIN 12 Mei - Tiga buah sekolah di negeri ini tidak ketinggalan menerima tajaan *Tutor* daripada Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) membabitkan sebanyak 135,450 naskhah akhbar pendidikan *Utusan Malaysia* itu untuk sekolah kebangsaan dan menengah di seluruh negara.

Pengarah Tabung Haji negeri, Datuk Mohammad Mokhzani Mukhtar berkata, Sekolah Kebangsaan Desa Jaya di Temerloh menerima tajaan selama 18 minggu manakala Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rompin di sini dan SMK Paya Besar, Kuantan selama 23 minggu.

"Bagi SMK Rompin, seramai 158 calon Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) memperoleh manfaat daripada tajaan ini yang bermula 2 Mei lalu kerana sisipan pendidikan *Tutor* sangat berkesan dalam mem-



bantu pelajar membuat persediaan tambahan bersama pembelajaran formal daripada guru-guru di sekolah.

"Saya harap sumbangan ini dapat memberi kesan positif kepada para pelajar seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan mereka dalam PT3," katanya kepada *Utusan Malaysia* dalam Majlis Penyerahan Penajaan *Tutor* di SMK Rompin hari ini.

Yang hadir sama, Pengetua SMK Rompin, Hawiah Chik.

Menurut Mohammad Mokhzani, pemilihan *Tutor* diharap dapat me-

mudahkan para pelajar menghadapi peperiksaan sebenar kerana soalan yang disediakan dalam sisipan tersebut adalah daripada guru yang berpengalaman luas.

Sementara itu, Hawiah mengucapkan terima kasih kepada Tabung Haji kerana memilih sekolah berkenaan sebagai penerima tajaan tersebut.

"Penajaan ini sebagai penghargaan Tabung Haji kepada pihak sekolah dan saya amat berbesar hati. Terima kasih saya ucapkan kerana tajaan seumpama ini merupakan yang pertama kami terima. Pemilihan *Tutor* sangat bermanfaat kerana penggunaannya berkesan dalam membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar.

"Kami akan jadikan sisipan ini sebagai satu alat bantu mengajar bagi memudahkan pembelajaran di dalam kelas," katanya.